KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

SIARAN MEDIA

MAJLIS KENDURI RAKYAT DESA MADANI 2025 MERIAHKAN PENUTUP PROGRAM KAMPUNG ANGKAT MADANI KKDW DI KAMPUNG BUKIT SAPI, LENGGONG

Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) hari ini menganjurkan **Majlis Kenduri Rakyat Desa MADANI 2025** sebagai acara kemuncak kepada pelaksanaan Program Kampung Angkat MADANI (KAM), Sekolah Angkat MADANI (SAM), Program Rintis Lampu Solar KKDW dan Program Selenggara Elektrik Rumah Impian (SERI) di Kampung Bukit Sapi, Lenggong, Perak yang telah bermula sejak Januari lalu.

Majlis ini disempurnakan oleh **YBhg. Datuk Muhd Khair Razman bin Mohamed Annuar, Ketua Setiausaha KKDW**, sebagai simbolik kepada kejayaan KKDW menyiapkan keseluruhan projek KAM dan SAM bagi tahun 2025 mengikut jadual**,** sekali gus membuktikan komitmen kementerian dalam memastikan setiap inisiatif yang dilaksanakan memberi impak langsung kepada kesejahteraan penduduk luar bandar.

Kampung Bukit Sapi telah dipilih sebagai lokasi pelaksanaan KAM dengan **peruntukan RM1 juta**, manakala **Sekolah Kebangsaan Bukit Sapi** dipilih sebagai lokasi SAM dengan **peruntukan RM100,000**, melibatkan keseluruhan **13 projek** iaitu:

- **10 projek fizikal**, termasuk naik taraf sekolah agama, titi sungai, klinik desa, jalan ladang, masjid, surau, dewan orang ramai, pemasangan lampu jalan solar dan infrastruktur sekolah.
- **3 projek bukan fizikal**, antaranya gotong-royong keceriaan kampung, pelaksanaan PKD Mobile dan Program Motivasi Pelajar.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT I KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
Tel: 03-8891 5945 E-mel: corpcomm@rurallink.gov.my

Kesemua projek ini melibatkan peruntukan RM1.1 juta dan telah **mencapai prestasi 100% siap serta 100% perbelanjaan sehingga 30 November 2025**. Inisiatif ini bertujuan menyediakan kemudahan asas yang lebih baik, menyerlahkan pendidikan holistik, serta meningkatkan kualiti hidup penduduk luar bandar.

Sebagai sebahagian usaha menggalakkan penggunaan tenaga mesra alam, KKDW melaksanakan **Program Rintis Lampu Solar** secara gotong-royong melibatkan pelajar dan sukarelawan Universiti Malaysia Perlis (UniMAP). Sebanyak **30 unit lampu solar** telah dipasang dengan **kos RM40,073**.

Sementara itu, **Program Selenggara Elektrik Rumah Impian (SERI)** membantu meningkatkan keselamatan elektrik rumah golongan B40. Sebanyak **25 buah rumah** diselenggara dengan **kos RM40,000**, yang turut memberi peluang pelatih TVET GIATMARA menjalani Latihan kemahiran sebenar di lapangan.

Majlis hari ini turut disemarakkan dengan pelbagai aktiviti komuniti di bawah Program Pusat Komuniti Desa (PKD) Mobile dan GIATMARA, antaranya, kaunter perkhidmatan pembukaan akaun Tabung Haji, latihan kemahiran dan kraftangan, perkhidmatan gunting rambut serta tukar minyak enjin kenderaan secara percuma.

Program ini bertujuan memperkukuh semangat kerjasama dan perpaduan dalam kalangan penduduk serta membuka ruang penyertaan komuniti dalam usaha memajukan kampung secara bersepadu dan inklusif.

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
15 DISEMBER 2025